



KETUA SETIAUSAHA NEGARA,
MALAYSIA,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4 Timur, Blok A, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

Telefon: 88881480
88883381
Fax: 88883382

KPKK(R)200/55 Kit. 8(2)

31 Januari 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Badan-Badan Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN PERLINDUNGAN UNTUK
LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT ATAU LAIN-LAIN
PERALATAN KOMUNIKASI ICT TANPA KEBENARAN ATAU
KUASA YANG SAH DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana semua sedia maklum, penggunaan telefon bimbit dan lain-lain peralatan komunikasi ICT telah semakin meluas dan menjadi keperluan semasa yang penting termasuk di semua Agensi Kerajaan. Penggunaan yang meluas ini mempunyai implikasi dari segi aspek keselamatan kerana wujud kemungkinan berlakunya penyalahgunaan terutama telefon

bimbit berkamera atau lain-lain peralatan komunikasi ICT tersebut. Penyalahgunaan ini boleh meliputi kegiatan pengintipan bagi mendapatkan, mengumpul, merakam, menyiar atau menyampaikan maklumat dalam apa jua bentuk termasuk data atau imej digital tanpa kebenaran atau kuasa yang sah. Kegiatan ini jika tidak dikawal dan diberikan perlindungan boleh membawa kepada implikasi yang buruk terhadap ekonomi negara, keselamatan negara, fungsi-fungsi dan imej Kerajaan Malaysia.


3. Saya memohon kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan supaya memastikan Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing dapat memberikan perhatian dan berwaspada terhadap langkah-langkah keselamatan perlindungan bagi mengawal dan mengehadkan penggunaan telefon bimbit terutama yang berkamera dan lain-lain peralatan komunikasi ICT tanpa kebenaran atau kuasa yang sah. Tindakan ini penting bagi menghalang kegiatan atau percubaan untuk mendapatkan maklumat rasmi dan kerahsiaan yang boleh memudaratkan kepada keselamatan dan kepentingan Malaysia, atau mengesyaki kejadian mahupun perbuatan pelanggaran keselamatan seperti mana yang dinyatakan dalam Buku Arahan Keselamatan atau kebocoran rahsia rasmi di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan juga perlu memastikan langkah-langkah keselamatan perlindungan seperti di Lampiran A, hendaklah dilaksanakan di Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing.

4. Adalah diharapkan supaya tindakan dan langkah-langkah keselamatan perlindungan di perenggan 3 di atas dapat dipatuhi dan semua langkah-langkah yang termaktub dalam Buku Arahan Keselamatan diikuti dan dilaksanakan sepenuhnya. Kegagalan melaksanakan peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang digariskan boleh mengakibatkan perkara-perkara rasmi dan kerahsiaan mengenai keselamatan dan kepentingan Malaysia di Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing, boleh menjurus negara kepada implikasi yang negatif dan tidak baik.

5. Saya amat menghargai kerjasama semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan dan seluruh pegawai serta kakitangan perkhidmatan awam untuk memastikan langkah-langkah keselamatan perlindungan di Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing dilaksanakan dan diberi perhatian sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(TAN SRI SIDEK HASSAN)

LAMPIRAN A

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN PERLINDUNGAN UNTUK LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT ATAU LAIN-LAIN PERALATAN KOMUNIKASI ICT TANPA KEBENARAN ATAU KUASA YANG SAH

1. Mengenal pasti premis, bilik atau tempat yang diguna bagi mengurus atau membincangkan perkara-perkara rasmi yang mudarat kepada keselamatan dan kepentingan Malaysia dan rahsia rasmi untuk dikuatkuasakan sebagai zon larangan penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi ICT tanpa kebenaran atau kuasa yang sah;
2. Memastikan semua penjawat awam diberikan peringatan supaya tidak menyalahgunakan telefon bimbit termasuk yang berkamera atau lain-lain alat komunikasi ICT tanpa kebenaran untuk menyalin, merakam, menyimpan, menyiar, menyebar, atau menyampaikan maklumat yang telah diamanahkan sebagai rahsia rasmi mengikut seksyen 8 dan perkara rasmi yang memudaratkan keselamatan dan kepentingan Malaysia mengikut seksyen 9 Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88);
3. Memastikan peringatan dikeluarkan kepada semua pelawat atau wakil yang hadir ke Kementerian/Jabatan/Agenzia Kerajaan bahawa premis, bilik atau tempat yang tertentu telah dikenal pasti dan dikuatkuasakan sebagai zon larangan ke atas penggunaan Telefon Bimbit atau lain-lain peralatan Komunikasi ICT tanpa kebenaran atau kuasa yang sah;
4. Memastikan tanda larangan menggunakan Telefon Bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi ICT dipamerkan di premis, bilik atau kawasan yang telah dikenal pasti;
5. Memastikan semua Pegawai atau wakil yang hadir bagi membincangkan perkara-perkara rasmi yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia dan rahsia rasmi, diberikan peringatan bahawa mereka hendaklah tidak menyampaikan secara langsung atau secara tak langsung

termasuk melalui Telefon Bimbit atau lain-lain peralatan Komunikasi ICT sesuatu maklumat tersebut kepada seseorang lain yang lain daripada orang yang kepadanya diberikuasa dengan sempurna bagi menyampaikannya dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972;

6. Memastikan satu tempat atau peti khas disediakan untuk simpanan sementara Telefon Bimbit atau lain-lain peralatan Komunikasi ICT tersebut di mana perlu bagi mengelakkan disalah gunakan oleh pihak-pihak berkenan yang boleh mudarat kepada keselamatan dan kepentingan Malaysia;
7. Menimbang untuk pemasangan peralatan jammer atau lain-lain peralatan yang boleh menghalang kegiatan merakam, menyebarkan atau menyampaikan maklumat melalui Telefon Bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi ICT tanpa kebenaran atau kuasa yang sah dan mendapatkan khidmat nasihat keselamatan perlindungan berkaitan daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri; dan
8. Melaporkan dengan serta-merta sebarang kegiatan atau percubaan untuk mendapatkan maklumat-maklumat rasmi yang mudarat kepada keselamatan dan kepentingan Malaysia dan rahsia rasmi atau pelanggaran keselamatan perlindungan kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri di alamat seperti berikut:

**Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
Malaysia Jabatan Perdana Menteri
Aras 1 dan 2, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA**

**Nombor telefon : 03-8888 1957
 : 03-8888 1234
Nombor faksimili : 03-8888 3258
Laman Web : www.cgso.jpm.my**